


LAWATAN KEBAJIKAN AKS TADBIR KE PANGKALAN UDARA KUANTAN

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3407-lawatan-kebajikan-aks-tadbir-ke-pangkalan-udara-kuantan

KUANTAN, 27 Apr 18 - Brig Jen Ahmad bin Abd Rahman TUDM, AKS Tadbir telah meluangkan masa menziarahi tiga keluarga di Pangkalan Udara Kuantan selepas selesai Mesyuarat Koordinasi HUT ATM ke-85 di INSPRA.

Lawatan kebajikan yang dilaksanakan adalah seperti berikut:


a. Adik Faqrul Hanif yang menghidap Muscular Dystrophy (lemah sistem otot pinggang ke bawah). Adik Faqrul Hanif merupakan anak kepada Kpl U (W) Naimah binti Shaari - Cawang Tadbir.



b. Adik Muhammad Zareef Zakuan yang menghidap Microcephaly dan cacat pinggang ke bawah. Adik Muhammad Zareef Zakuan merupakan anak kepada Kpl U Zamree bin Abdullah- Terminal Peluru 1.



c. Kpl U Mohd Anuar Izham bin Redzuan - MATRA 4 yang sedang bercuti sakit di rumah selepas menjalani pembedahan akibat kemalangan jalan raya.



AKS Tadbir telah menyampaikan sedikit sumbangan khas dari Tabung Kebajikan TUDM kepada ketiga-tiga keluarga. Sementara bagi Adik Faqrul Hanif, AKS Tadbir turut menyampaikan sedikit sumbangan khas dari Koperasi Tentera.



Lawatan kebajikan ini turut disertai oleh pegawai-pegawai Markas Tentera Udara - Cawangan Perkhidmatan serta pegawai-pegawai dan ahli BAKAT Pangkalan Udara Kuantan. Seluruh warga TUDM mendoakan semoga semua ahli keluarga yang terlibat tabah menghadapi ujian ini.



